



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

KASIH DIJUNJUNG, KEADILAN BERNAUNG

Tarikh Dibaca:

**21 REJAB 1445H /
2 FEBRUARI 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْقُوا طَعْمَ الْإِسْلَامِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KASIH DIJUNJUNG, KEADILAN BERNAUNG

2 FEBRUARI 2024 / 21 REJAB 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ

مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦٦﴾ (سورة آل عمران)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon bimbit dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk: “**Kasih Dijunjung, Keadilan Bernaung**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang kini teruk ditindas oleh rejim zionis Israel. Bukan hanya kemusnahan harta benda, kehilangan nyawa orang awam terutamanya wanita dan kanak-kanak, bahkan mereka kini diancam kebuluran kerana kekurangan bekalan makan dan sebagainya. Maka teruslah bermunajat kepada Allah SWT memohon pertolongan buat mereka dan janganlah lupakan mereka. Semoga mereka semua diberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan dalam mematahkan segala muslihat dan tipu daya rejim zionis laknatullahi 'alaih.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Negara kita mengamalkan Sistem Raja Berperlembagaan dengan Ketua Negara dirujuk sebagai Yang di-Pertuan Agong yang digilir dalam kalangan Raja-Raja dari negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan akan memerintah mengikut kerangka yang ditetapkan Perlembagaan Persekutuan selama lima tahun.

Negara kita mencatatkan satu lagi kenangan sejarah apabila pada 31 Januari 2024 baru-baru ini telah dimasyhurkan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Yang Ke-17, iaitu Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar bagi menggantikan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang cukup tempoh lima tahun pemerintahan.

Kita menjadi saksi akan keprihatinan, kesungguhan, ketenangan dan kebijaksanaan Al-Sultan Abdullah sepanjang pemerintahan Baginda yang telah merungkai bermacam kerumitan, kemelut serta suka duka pemerintahan negara seperti pandemik Covid-19, pasang surut politik negara, krisis ekonomi dengan baik dan tenang. Maka sewajarnya kita sebagai rakyat menjunjung kasih kepada Baginda al-Sultan atas jasa dan bakti yang tidak lain memikirkan kepentingan rakyat terus terjaga dan terbela. Inilah sikap mukmin terhadap setiap kebaikan yang diterima iaitu berterima kasih dan menghargainya kerana ia juga merupakan manifestasi kesyukuran seorang hamba kepada Allah Azza wa Jalla. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يَشْكُرُ اللَّهَ مَنْ لَا يَشْكُرُ النَّاسَ

Maksudnya: *“Tidak dikatakan bersyukur pada Allah bagi sesiapa yang tidak tahu berterima kasih pada manusia”.* (Hadis riwayat Abu Daud dan al-Tirmidzi)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kepimpinan sesebuah negara turut menunjukkan keagungan Allah Azza wa Jalla yang Maha Kuasa memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya sebagaimana dinyatakan dalam Surah ali Imran ayat 26 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Ketua negara, raja atau pemimpin utama ialah jawatan atau kedudukan yang menjadi amanah paling besar bagi manusia yang ditolak oleh makhluk langit dan bumi kerana takutkan balasan Allah SWT. Firman-Nya:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا

الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanah (tanggungjawab) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tiada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan amat jahil”.* (Surah al-Ahzab ayat 72)

Rasulullah SAW memberi perkhabaran yang menarik tentang pemimpin yang dapat menunaikan amanah kepimpinan mengikut perintah Allah SWT. Sehingga mendapat

kedudukan pertama untuk berada di bawah naungan Allah SWT di Padang Mahsyar yang menakutkan kelak. Sabda Rasulullah SAW:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ...

Maksudnya: “Tujuh jenis manusia yang dinaungi Allah pada hari yang tiada tempat bernaung (Hari Kiamat) melainkan naungan-Nya; pertamanya ialah imam (pemimpin atau raja) yang adil...” (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ada sebuah kisah yang sangat menarik untuk renungan bersama. Diceritakan bahawa pada suatu hari, Khalifah Umar RA sedang berjalan bersama beberapa orang pengiringnya, tiba-tiba beliau ditahan oleh seorang perempuan tua. Lalu berkata kepadanya: “Wahai Umar! Aku mengenalmu sejak kecil yang dikenali pada masa muda remaja sebagai Umair, kamu bermain di pasar ‘Ukaz menakutkan kanak-kanak yang lain dengan tongkatmu. Setelah berlalu masa, engkau menjadi seorang yang bernama Umar (seorang yang gagah perkasa). Setelah beberapa lama sehingga sekarang, engkau dinamakan Amir al-Mu’minin (pemimpin kepada orang-orang yang beriman).

Wahai Umar! Bertakwalah kamu kepada Allah dalam mengendalikan urusan rakyat! Ketahuilah bahawa sesiapa yang takut akan azab (pada Hari Kiamat), nescaya yang jauh (selamat di syurga) akan dirasakan hampir. Sebaliknya, sesiapa yang takutkan mati, nescaya dia akan takut kehilangan”.

Khalifah Umar RA terus menunggu bagi mendengar nasihat perempuan itu.

Salah seorang pengiringnya, iaitu al-Jarud berkata: “Wahai perempuan! Engkau telah banyak bicara kepada Amir al-Mu’minin”.

Lalu Khalifah Umar RA berkata: “Biarkan dia! Tahukah kamu siapa perempuan ini? Inilah Khaulah binti Tha’labah. Perkataannya telah didengari oleh Allah dari tujuh petala langit¹. Maka, Umar lebih berhak untuk mendengar percakapannya. Kalau dia bercakap panjang

¹ pengaduannya menjadi sebab turunnya beberapa ayat daripada Surah al-Mujadalah

lagi sehingga tiba waktu malam, nescaya, Umar akan berdiri mendengarnya, kecuali kerana pergi solat, kemudian aku datang lagi mendengarnya”.²

Daripada kisah ini kita boleh ambil pengajaran bahawa pemimpin yang bertakwa mendapat pertolongan dari Allah SWT dan dimasukkan ke dalam syurga. Kita juga dapat pengajaran bahawa pemimpin yang terbaik juga bersedia menerima nasihat-nasihat kebaikan.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Justeru, bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib dapat merumuskan beberapa perkara:

Pertama: Allah Azza wa Jalla Maha Kuasa menentukan sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya untuk memegang kuasa pemerintahan.

Kedua: Pemimpin yang adil dan melaksanakan amanah dengan baik akan dipimpin oleh Allah SWT dan seterusnya akan mendapat naungan di Padang Mahsyar kelak.

Ketiga: Setiap rakyat perlu patuh, taat dan setia kepada raja dan negara sebagai tanggungjawab paling asas dalam konsep kenegaraan dan sentiasa mendoakan para pemimpin khususnya Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim agar diberi *inayah* dan taufiq serta kekuatan dan keteguhan dalam mentadbir negara tercinta ini.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ

فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan

² Ibn al-Mibrad, *Mahd al-Sawwab fi Fada'il Amir al-Mu'minin 'Umar bin al-Khattab*, jld. 3, ms. 776-777 / Ibn Hajar al-Asqalani, *al-Isobah fi Tamyiz al-Sahabah*, jld. 8, ms. 115

(Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بَدِوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ اَكُوغِ، السُّلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاكِ فَرْمَالِيَسُورِي اَكُوغِ، رَاكِ
زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، ودمر أعداءك أعداء الدين وانصر من نصر الدين ،
واخذل من خذل المسلمين ، وأعل كلمتك إلى يوم الدين .

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ ،
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عِدْدًا ، وَاقْتَلِهِمْ بَدَدًا ، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا ، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَاوَنَهُمْ ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يَرُدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ . اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ،
تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِنْ سِجِّيلٍ ، فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ .

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ .
اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ . اللَّهُمَّ بَدِّ شَمْلَهُمْ ، وَفَرِّقْ
جَمْعَهُمْ وَشَتَّ كَلِمَتَهُمْ ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ ، يَا قَهَّارُ ، يَا
جَبَّارُ ، يَا مُنْتَقِمُ يَا اللَّهُ . اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ ، يَا مُجْرِيَ السَّحَابِ ، يَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ ،
إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ ، إِهْزِمِهِمْ ! إِهْزِمِهِمْ ! وَانصُرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ .

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللَّهِ ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .